



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2001

**PENARIKAN BALIK PENGGANTUNGAN PROGRAM
PENGAMBILAN SAINTIS WARGANEGARA MALAYSIA
DI LUAR NEGERI DAN SAINTIS ASING**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan menarik balik penggantungan program pengambilan saintis Malaysia di luar negeri dan saintis asing yang telah diputuskan dalam tahun 1998 dan dikuatkuasakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 1998.

LATAR BELAKANG

2. Keputusan Kerajaan menggantung pengambilan saintis Malaysia di luar negeri dan saintis asing pada akhir tahun 1998 adalah disebabkan oleh

kegawatan ekonomi yang melanda negara ini pada masa itu. Penangguhan tersebut merupakan salah satu langkah jangka pendek untuk membantu mengawal dan mengurangkan perbelanjaan awam.

PANDUAN PELAKSANAAN

3. Memandangkan keadaan ekonomi negara semakin pulih dan selaras dengan hasrat Kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020, maka Kerajaan telah bersetuju menarik balik keputusannya menggantung program pengambilan saintis Malaysia di luar negeri dan saintis asing.

TARIKH KUATKUASA

4. Keputusan ini dikuatkuasakan mulai tarikh Pekeliling ini dikeluarkan. Dengan berkuatkuasanya keputusan ini maka urusan pengambilan saintis Malaysia di luar negeri dan saintis asing bolehlah diuruskan mengikut garis panduan yang dihuraikan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1995.

PEMBATALAN


5. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 1998 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

6. Pekeliling ini terpakai kepada semua kementerian dan jabatan Persekutuan. Pemakaiannya kepada perkhidmatan awam negeri, pihak berkuasa

berkanun (Persekutuan dan negeri) dan pihak berkuasa tempatan tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa agensi berkenaan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' JAMALUDDIN BIN HJ AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

10 FEBRUARI 2001

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan